





[MOU/MOA](#)

Kolaborasi UMP dan industri dalam ICT dan ekonomi digital

2 March 2021

Disediakan Oleh: Nor Salwana Mohd Idris, Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor

PEKAN, 22 Februari 2021- Revolusi Perindustrian (IR) 4.0 yang kian pesat kini menjadi faktor utama perubahan terhadap dunia pekerjaan.

Kolaborasi Industri-Akademia (IAC) mampu menggalakkan kolaborasi yang lebih erat antara kedua-duanya menerusi kerjasama dalam membangunkan silibus kurikulum, penempatan industri, latihan dan kepakaran.

Turut sama diberi tumpuan adalah terhadap penyelidikan dan pembangunan serta menjadi pakar rujuk ke arah melahirkan modal insan bagi memenuhi keperluan industri terutamanya dalam menerajui bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta ekonomi berasaskan teknologi digital.

Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan pihak Roadcare (M) Sdn. Bhd., Edustats Solution dan Blockworq Sdn. Bhd. bakal memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kecekapan dalam pekerjaan serta berdaya saing, penyelidikan, pendidikan dan juga perkhidmatan.

Majlis menyaksikan MoU ditandatangani Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Timbalan Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat, Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Che Ghani. Manakala Roadcare (M) Sdn. Bhd. diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Wan Imran Wan Omar, Edustats Solution diwakili Pengurusnya, Ooi Hao Lee dan Blockworq Sdn. Bhd. pula diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Affendy Zulkifli. Majlis pemeteraian yang berlangsung secara dalam talian itu turut dihadiri Dekan Fakulti Pengurusan Industri, Dr. Fazeeda Mohamad.

Menurut Profesor Ts. Dr Kamal Zuhairi Zamli, menerusi kolaborasi ini juga pihak industri

secara menang-menang dapat meraih manfaat melalui akses kepada ekosistem penyelidikan dan inovasi, jaringan (*networking*), sumber, teknologi dan pengetahuan.

“Ia ini membolehkan rakan kolaborasi menambah nilai, meningkatkan kecekapan, daya saing, dan memacu inovasi yang akhirnya meningkatkan imej, menjana keuntungan, dan mengekalkan kemampuan perniagaan masing-masing.

“Sementara itu, syarikat perlu berusaha untuk menjadi lebih berdaya saing dalam persekitaran perniagaan yang kian berubah pada hari ini.

“Selain itu ialah dengan melaksanakan strategi untuk memastikan pekerja yang memiliki potensi dan prestasi tinggi menjadi faktor penting dalam menentukan kelestarian operasi syarikat terutamanya bagi industri berteraskan pengetahuan,” katanya.

Beliau juga berharap agar kesinambungan kolaborasi ini akan diteruskan dengan penganjuran program-program kerjasama yang lebih erat dan memberikan impak yang positif kepada kedua-dua pihak secara berterusan.

Bagi Dato' Wan Imran pula, pihaknya menghargai kerjasama ini yang akan turut memanfaatkan bidang akademik, penyelidikan, perkongsian kepakaran dan pembangunan insan.

“Pihak Roadcare (M) Sdn. Bhd. juga bersetuju menyediakan tempat dan bantuan dalam pelaksanaan Mod Pengajian Industri dalam bidang berkaitan kepada staf dan pelajar UMP di premis kami.

“Ini termasuklah bagi tujuan pembelajaran dan penyenggaraan jalan raya serta pengurusan projek,” ujarnya.

Manakala Affendy Zulkifli pula berkata, Blockworq merupakan sebuah syarikat *system integrator* yang memfokuskan pembangunan teknologi digital seiring dengan kemajuan teknologi masa depan.

“Antaranya membabitkan kerjasama dalam bidang latihan dan penyelidikan yang berkaitan *Digital Education on Big Data, Blockchain dan IR 4.0 Modules* buat pelajar dan staf university,” katanya.

Dalam masa yang sama, Ooi Hao Lee mengharapkan kerjasama membabitkan pihak Edustats Solutions ini akan memanfaatkan pelajar UMP dalam pembangunan dan

pelaksanaan program Mod Pengajian 3U1i bagi Sarjana Muda Pengurusan Projek Kepujian UMP dalam bidang yang bersesuaian seiring dengan hala tuju Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

TAGS / KEYWORDS

[ICT](#)

[IAC](#)

[KPT](#)